

06/10/2001

PM turun tangga dari tingkat 38

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuktikan umur tidak menjadi penghalang apabila menuruni tangga dari tingkat 38, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini, berikutan lif di bangunan itu tidak berfungsi kerana gangguan elektrik.

Perdana Menteri yang berusia 76 tahun, turun bersama pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) lain selepas mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang dipengerusikannya.

Gangguan bekalan bermula jam 5.29 petang, kira-kira sejam selepas mesyuarat itu berlangsung. Mesyuarat itu bagaimanapun diteruskan dan bergantung kepada cahaya luar.

Malah, pada sidang akhbar kira-kira jam 6 petang, sistem pembesar suara tidak berfungsi, menyebabkan pemberita terpaksa meletakkan pita perakam di hadapan Perdana Menteri dan bukan di tempat khas seperti biasa.

"Ini kena berjalan turun 38 tingkat," kata Dr Mahathir secara berseloroh selepas sidang akhbar itu.

Selain pemimpin BN, kira-kira 15 wartawan juga terpaksa menuruni tangga dari tingkat 38.

Sementara itu, Dr Mahathir bersama pemimpin BN lain termasuk Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud memotong kek sebagai ucapan tahniah kepada BN negeri itu yang mencatat kemenangan cemerlang dalam pilihan raya negeri minggu lalu, sebelum mesyuarat bermula jam 3.30 petang.

Kek itu yang disediakan oleh pihak pengurusan PWTC, ditulis "Syabas BN Sarawak" - daripada YAB Perdana Menteri dan ahli-ahli Dewan Tertinggi BN".

(END)